



KEJOHANAN OLAHRAGA MASTER TERBUKA MALAYSIA ANTARABANGSA YANG KE-37, 2025

LAPORAN



23rd – 25th MAY 2025

**STADIUM TUANKU SYED PUTRA
KANGAR, PERLIS, MALAYSIA**

PENDAHULUAN (INTRODUCTION)

Kejohanan Olahraga Master Malaysia Antarabangsa Yang Ke-37 telah berlangsung dengan jayanya pada :

Tarikh : 23 – 25 Mei 2025
Hari : Jumaat, Sabtu dan Ahad
Masa : 7.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Stadium Tuanku Syed Putra,
Kangar, Perlis, Malaysia

(37th Malaysian International Open Masters Athletics Championships were held successfully from 23 – 25 May 2025, at Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis, Malaysia).

PESERTA

Seramai 400 orang peserta dari 9 buah negara yang terdiri daripada umur 35 tahun ke atas sehingga 93 tahun dari dalam dan luar negara telah menyertai dalam kejohanan ini.

(400 participants from Malaysia and foreign countries took part in this championships – including a few former Malaysian ex International athletes and ex Olympians)

Negara-negara yang telah mengambil bahagian adalah:

INDONESIA	INDIA	SRI LANKA
BRUNEI	SINGAPORE	IRAN
UZBEKISTAN	BANGLADESH	MALAYSIA

PENDAFTARAN DAN MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

Semua peserta dan pasukan telah mendaftar dan mengutip nombor pada 22 Mei 2025 (hari Khamis), mulai jam 2.00 petang, di bilik mesyuarat Majlis Sukan Negeri Perlis, Kangar, Perlis. Semua peserta telah dibekalkan dengan **Senarai nama peserta, Buku cenderamata, Sijil Penyertaan, nombor peserta dan “Topi” MMAA.**

Mesyuarat Pengurus Pasukan telah diadakan pada 22 Mei 2025, jam 5.00 petang, di bilik mesyuarat Majlis Sukan Negeri Perlis. Seramai 22 orang pengurus pasukan dan pembantu mereka telah menghadirinya. Semua mereka telah dijemput ke jamuan minum petang selepas selesai mesyuarat.

(Nombor collection was held on 22nd May 2025, from 2.00 pm. Team Managers' Meeting was held on the same day at 5.00 pm.)

PERJALANAN KEJOHANAN

Semua acara telah berlangsung dengan licin dan Upacara Penyampaian Hadiah telah berlangsung sepanjang 3 hari. Semua acara telah dijalankan tepat pada masa yang telah dijadualkan. Sebanyak 700 lebih hadiah telah disampaikan kepada para pemenang, sejurus selesainya acara mereka. Semua hadiah telah disampaikan selepas sahaja acara tamat. Walaupun pada sebelah pagi pada ketiga-tiga hari berhujan, ianya tidak menganggu jadual pertandingan.

Walaupun sukan olahraga masters mempunyai peraturan yang berbeza, semua pegawai teknik telah menjalankan tugas mereka dengan cemerlang.

(The championships was conducted well throughout the 3 days, and about 700 over medals were presented during the 3 days. All the technical officials did a good job!).

ANUGERAH KHAS

1) ANUGERAH KEPADA SEMUA PESERTA YANG BERUMUR 75 TAHUN DAN KE ATAS

Seramai 28 orang peserta yang berumur 75 tahun dan ke atas telah disampaikan anugerah khas yang telah ditaja oleh **MILO**. Hadiah anugerah telah disampaikan oleh **YAB Menteri Besar Negeri Perlis**.

2). ANUGERAH PESERTA TERTUA

Seperti tahun-tahun yang sudah, dua anugerah khas untuk Peserta Tertua telah disampaikan atas kegigihan mereka untuk menyertai dalam kejohanan ini dalam usia yang melebihi 80 dan 90 tahun .

PESERTA WANITA TERTUA

Mariet Elizabeth Rorek – 93 tahun

Dari Indonesia

PESERTA LELAKI TERTUA

Loke Kuan Sow – 83 tahun

Dari Pulau Pinang

3). HADIAH KEPADA KONTINJEN TERBESAR

Hadiah khas telah disampaikan kepada kontinjen dengan penyertaan yang terbesar:

Kontingen terbesar dalam negara : Persatuan Olahraga Master Perak

Kontingen terbesar dari luar negara : Negara Iran

PARA TETAMU YANG HADIR

Beberapa orang kenamaan telah menghadiri kejohanan sepanjang 3 hari serta memberi semangat dan inspirasi kepada para peserta master. Di antaranya adalah:

- ***YAB Tuan Mohd Shukri bin Ramli***
Menteri Besar Negeri Perlis
- ***YA Berbahagia Puan Najwah bt Othman***
Isteri kepada YAB Menteri Besar Negeri Perlis
- ***YB Ridzuan bin Hashim***
Exco Belia, Sukan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Perlis
- ***Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perlis***
- ***Pengarah MSN Perlis***
- ***YBhg Datin Seri Shamsiah Mohd Yasin***
Isteri kepada Ahli Parlimen Arau
merangkap Presiden Malaysia Athletics.

UPACARA PENUTUPAN

Upacara penutupan kejohanan yang ringkas telah diadakan pada 25 Mei 2025, jam 6.00 petang di stadium dan penyampaian hadiah kepada pemenang dalam acara 3000m Lelaki, acara 4 x 400m. Upacara Penyampaian telah disempurnakan oleh Presiden POMM, ***Encik S. Sivapragasam***, dan Timbalan Presiden ***Encik Selamat bin Sarif***.

(A simple closing ceremony was held at 6.00 pm with the presentation of prizes to the winners in the 3000m Men, and 4 x 400m relay events by the President and the Deputy President of MMAA).

ACARA ‘MEDLEY RELAY’

Acara lari berganti-ganti campuran terbuka telah dimasukkan dalam jadual untuk memberi peluang kepada pelari jarak sederhana untuk mengambil bahagian seperti berikut :

Pelari pertama	:	200m (Wanita)
Pelari kedua	:	200m (Lelaki)
Pelari Ketiga	:	400m (Wanita)
Pelari Keempat	:	800m (Lelaki)

ULASAN

Peserta dan pegawai yang menyertai dalam kejohanan ini sangat puas hati dan gembira dengan penganjuran kejohanan. Mereka telah mengucapkan tahniah kepada pihak pengelola kerana menjalankan semua acara mengikut jadual tepat pada masanya, serta mengeluarkan keputusan rasmi secepat yang boleh selepas selesainya setiap acara.

Semua hadiah juga telah dapat disampaikan dalam kadar masa yang singkat, selepas sahaja setiap acara selesai, kecuali untuk satu acara sahaja kerana keputusan diterima lambat sedikit .

(Athletes and officials who participated in this championships were very happy with the organisations. They congratulated the organisers for a job well done, especially for conducting all the events according to the schedule without any delay. The official results too came on time , hence the victory ceremony could be carried out as soon as possible. They also expressed their sincere thanks for creating opportunity for the master athletes. They are very keen to take part in the future championships organised in Malaysia).

SEMANGAT KESUKANAN

Sukan olahraga master mementingkan dan memfokuskan kepada *perpaduan, kerjasama, kesejahteraan atlet-atlet master dari segi fizikal, mental, emosi dan sosial*. Kejohanan ini merupakan pletform untuk meningkatkan kesejahteraan keseluruhan atlet-atlet master. Yang penting dalam kejohanan sukan olahraga master adalah mengambil bahagian dan berjaya menamatkan acara – inilah yang diharapkan daripada para peserta.

“The important thing in the Olympic Games is not winning but taking part, just as in life, what counts is not the victory but the struggle”

- **Pierre de Coubertin**

Terima kasih kepada semua Persatuan Olahraga Master Negeri, semua peserta dan pasukan yang telah menyertai dalam kejohanan ini dengan semangat kesukanan yang tinggi. Peserta kejohanan telah menunjukkan sikap bekerjasama, perpaduan dan toleransi yang amat tinggi.

Penyertaan dari negara-negara luar telah membantu meningkatkan semangat atlet-atlet negara kita. Kejohanan ini juga telah membuka satu pletform yang istimewa untuk peserta memperbaharui silaturrahim dalam kalangan umat manusia.

Atlet-atlet master sentiasa menunjukkan perlakuan dan sikap positif yang boleh dijadikan teladan yang amat baik kepada generasi muda.

(Malaysian Masters Athletic Association - MMAA, express our appreciation to all participants from all the states dan foreign countries who took part and exhibited sporting spirit throughout the championships. Master athletes have always been good examples to younger generation).

YAB MENTERI BESAR NEGERI PERLIS

Persatuan Olahraga Master Malaysia mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Menteri Besar Negeri Perlis dan Isterinya atas kesudian mereka hadir serta memberi semangat kepada para atlet master. Peserta-peserta telah rasa sangat gembira atas kehadiran YAB yang telah menunjukkan minat dan keprihatinan terhadap mereka.

UCAPAN TERIMA KASIH DAN SEKALUNG PENGHARGAAN

Persatuan Olahraga Master Malaysia mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Majlis Sukan Negara, Pesuruhjaya Sukan Malaysia, Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), Setiausaha Kehormat dan ahli-ahli majlis Persatuan Olahraga Negeri Perlis, Majlis Perbadanan Stadium Negeri Perlis, Persatuan Olahraga WP Kuala Lumpur, MILO, Majlis Sukan Negeri Perlis, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perlis, JPAM Negeri Perlis, pegawai-pegawai teknik olahraga dan semua sukarelawan atas bantuan dan sokongan dalam menjayakan kejohanan ini. Bantuan, sokongan dan kerjasama ini telah membantu menjayakan usaha kami demi kesejahteraan atlet master negara.

**S. Sivapragasam, AMW
Presiden
Persatuan Olahraga Master Malaysia**

02 Jun 2025

GAMBAR 37th MIOMAC



Pemenang pingat dengan YAB Menteri Besar Negeri Perlis

Pasukan - pasukan dengan YAB Menteri Besar Negeri Perlis





Kontinjen Terbesar : Perak Masters



Kontinjen Terbesar: Pasukan Iran



Cenderamata dari POMM kepada Isteri YAB Menteri Besar Negeri Perlis



Anugerah khas kepada peserta 75 tahun ke atas – disampaikan oleh
YBhg Datin Seri Shamsiah Mohd Yasin, Isteri Presiden Malaysia Athletics



YB Encik Ridzuan bin Hashim - Exco Perlis bersama Presiden POMM & SU Kht PO Perlis

YBhg Datuk Seri (Dr) V. Pulainthiran Penaung POMM & Presiden POWP KL



Peserta dari Utara, Selatan, Barat dan Timur

COUNTRIES & STATE TEAMS







MASTER BEAUTIES !



TEAM MANAGERS' MEETING



MR. M. IYARU, MMAA PATRON, PRESIDENT, DEPUTY PRESIDENT & SECRETARY



WINNERS IN THE RELAY EVENTS

